



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Penerbit
UTM Press

PENGUMUMAN ANUGERAH PENERBITAN 2017

TARIKH TUTUP PENYERTAAN
22 MAC 2018

1 Mac 2018, UTM Johor Bahru. Dimaklumkan kepada semua staf akademik bahawa universiti akan menganjurkan Majlis Citra Karisma 2018. Sempena majlis ini, sebanyak lima (5) kategori Anugerah Penerbitan akan diberikan kepada Fakulti/Pusat Kecemerlangan Universiti (Centre of Excellence) serta staf yang cemerlang dalam mengangkat martabat disiplin penerbitan universiti. Kategori anugerah tersebut ialah:

ANUGERAH PENERBITAN



Anugerah ini diberikan kepada Fakulti & Pusat Kecemerlangan Universiti yang cemerlang dalam disiplin penerbitan. Semua pencalonan adalah secara automatik dan dicerap dari sistem RADIS.

ANUGERAH TOKOH PENERBITAN



Calon bagi kategori ini boleh terdiri sama ada dicalon oleh Fakulti & Pusat Kecemerlangan Universiti atau dicalon oleh rakan sekepakaran.

ANUGERAH PENULIS DALAM JURNAL BERINDEKS



Anugerah ini adalah untuk menghargai hasil penulisan (makalah/artikel) staf Fakulti & Pusat Kecerlangan Universiti yang diterbitkan dalam jurnal berindeks pada tahun 2017. Semua pencalonan adalah secara automatik dan dicerap dari sistem RADIS.

ANUGERAH BUKU KARYA ASLI



Karya yang diterbitkan pada tahun 2017 oleh Penerbit UTM Press secara automatik dicalonkan bagi kategori anugerah ini. Pencalonan juga terbuka bagi karya staf yang diterbitkan oleh penerbit luar.

ANUGERAH SITASI TERTINGGI



Anugerah ini diberikan kepada artikel dalam jurnal yang mempunyai sitasi tertinggi bagi tahun 2013-2017. Pencalonan terbuka kepada Fakulti & Pusat Kecemerlangan.

Borang pencalonan boleh diperolehi dengan melayari laman web Penerbit UTM Press di www.penerbit.utm.my. Penyertaan pencalonan hendaklah melalui Dekan Fakulti/Pengarah Pusat Kecemerlangan Universiti masing-masing. Pencalonan hendaklah sampai ke tangan urus setia sebelum atau pada **22 Mac 2018 (Khamis)** selewat-lewatnya pada jam **3.00 petang** di Penerbit UTM Press. Pencalonan yang lewat tidak akan diterima.